

22/06/1999

PBS akan ambil tindakan mahkamah

KOTA KINABALU, Isnin - Parti Bersatu Sabah (PBS) akan mengambil tindakan mahkamah terhadap dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) parti itu yang menyertai Umno kerana melanggar ikrar parti sebelum menjadi calon dalam pilihan raya negeri Sabah, Mac lalu.

Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan, berkata tindakan undang-undang terhadap Adun Kuamut, Abdul Malek Chua dan Adun Pensiangan, Ulin Pamiang akan diambil kerana mereka melanggar perjanjian parti.

"Pucuk pimpinan PBS sudah membincangkan hal ini dan akan bertindak terhadap dua Adun terbabit kerana sebelum mereka dipilih menjadi calon mereka diminta menandatangani dokumen taat setia kepada parti di hadapan Pesuruhjaya Sumpah dan peguam parti.

"Jika mereka meninggalkan parti (PBS) mereka perlu mengosongkan kerusi yang dimenangi itu," katanya kepada pemberita di kediamannya di sini hari ini selepas mengadakan perbincangan dengan Ahli Majlis Tertinggi PBS dan Adunnya.

Turut hadir Timbalan Presiden PBS, Dr Maximus Ongkili, Setiausaha Agung PBS, Raden Malleh dan Adun Bingkor, Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Kelmarin, Abdul Malek dan Ulin menyerahkan borang menyertai Umno kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur.

Minggu lalu, Ahli Parlimen Penampang Paul Nointien meninggalkan PBS dan menyertai Parti Demokratik Sabah (PDS) pimpinan bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Bernard Dompok.

Beliau mencabar dua Adun terbabit supaya mengosongkan kerusi yang dimenangi dan bertanding dalam pilihan raya kecil kerana kemenangan mereka sebelum ini adalah atas tiket PBS.

"Mereka tidak boleh bertindak membelakangi rakyat sekiranya percaya kepada prinsip demokrasi," katanya.

Pairin juga menyelar tindakan BN yang dianggapnya melampau kerana menggunakan wang untuk membeli Adun PBS.

"Ada Adun yang ditawarkan tiket kapal terbang ke Hong Kong dan pelbagai habuan lumayan sebagai umpan bagi memikat mereka menyertai parti BN," katanya.

(END)